

Berita Minggu, Ahad, 13 Jun, 1982

Undang2 Bank Islam ke Parlimen

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata rang undang-undang penubuhan Bank Islam akan dibentangkan dalam sidang Parlimen, Oktober ini.

Draf perundangan Bank Islam itu sedang disiapkan oleh jawatankuasa khas, dipengerusikan oleh Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri, Raja Tan Sri Mohar Badiozaman, kata beliau. Pindaan-pindaan yang perlu, sedang dibuat.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu demikian selepas merasmikan Perhimpunan Agung Majlis Dakwah Islamiah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP).

Bank Islam yang akan ditubuhkan secepat mungkin itu, tegas Perdana Menteri, tidak akan menjejaskan sistem bank sekarang.

"Kita akan cuba sedaya upaya memastikan kemudahan-kemudahan Bank Islam itu berfaedah kepada seramai umat Islam yang boleh," ujarnya.

Gagasan penubuhan Bank Islam timbul apabila Pengerusi Gabungan Persatuan Bank-bank Islam Antarabangsa, Putera Mohamad Al-Faisal, melawat negara ini, dua tahun lalu.

Malaysia dengan negara-negara Islam membuat rangka kajiannya untuk dipersetujui penubuhannya di negara ini. Arab Saudilah negara Islam tunggal yang mengesyorkan bank itu ditubuhkan di sini.

Pakar-pakar perunding Arab kemudian melawat negara ini untuk membincangkan konsep Bank Islam, di samping meminta Malaysia mencontohi negara-negara lain seperti Mesir, Sudan dan Kuwait yang juga mengendalkan bank itu.

Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang menjadi penaung bank itu, yakin penubuhannya akan mendorong negara-negara lain di rantasu Asia Tenggara dan Pasifik turut menubuhkannya.

KUALA LUMPUR, Sabtu — Cadangan Kerajaan menubuhkan Bank Islam akan berfaedah kepada enam juta umat Islam negara ini.

Ini disebabkan Bank Islam, pada dasarnya, menolak amalan mengambil faedah atau riba.

Bank Islam yang akan ditubuhkan itu, menghidup dan mengukuhkan ketahanan masyarakat dengan cara mengumpul wang zakat, melabur dan mengagihkannya secara adil dan saksama.

Penubuhannya juga bererti penentangan terhadap semua bentuk penindasan golongan lemah dan miskin. Ia memberi faedah maksimum kepada masyarakat Islam negara ini.

Antara lain, fungsi Bank Islam ialah:

■ Menolak amalan mengambil faedah atau riba, sebaliknya menggalakkan pelaburan.

■ Menyekat apa juga bentuk penindasan terhadap golongan lemah dan miskin.

■ Menjadi alat memberi perkhidmatan kepada masyarakat Islam sejajar dengan nilai-nilai akhlak.

■ Memajukan ekonomi masyarakat Islam berasaskan nilai akhlak yang diterima sepanjang sejarah manusia seperti keadilan, kerjasama, membela yang lemah dan menegakkan kebenaran, dan

■ Memaju dan meningkatkan taraf masyarakat melalui keuntungan yang diangap sebagai alat saja, bukan tujuan terakhir.

Oktober lalu, Perdana Menteri melantik 13 cendekiawan Islam, pakar-pakar bank dan undang-undang menganggotai Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Penubuhan bank itu. Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman, Pengerusinya; manakala Naib-Pengerusinya, Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Aziz Haji Taha.

Ahli-ahli jawatankuasanya ialah Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Sheikh Mohsein Haji Salleh; Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, Datuk Prof. Ahmad bin Ibrahim; Penolong Presiden PERKIM, Tan Sri Abdul Aziz Zain; Datuk

Jaafar Hussein; Pengerusi Eksekutif Kwong Yik Bank, Datuk Azman Hashim; Pengarah Besar LUTH, Haji Hanafiah Haji Ahmad; bekas Pengerusi dan Pengarah Urusan Bank Pertanian Malaysia, Dr. Agoes Salim; Timbalan Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia, Haji Haji Salim Tan Sri Osman; Pengarah Kerja United Malayan Banking Corporation, Haji Mohamad Taib Abdul Hamid; Ketua Ahli Ekonomi/Timbalan Pengerusi Besar Bank Bumiputera, Dr. Abdul Halim Ismail; dan Ketua Pengarah Bahagian Agama, Kementerian Pelajaran, Dr. Abdul Hamid Othman.

No. Si
No. Pe